

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, October 20, 2018 4:08 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TNC (A&A) Menghadap Raja Puan Muda Kedah Sembah Maklum Majlis Konvokesyen Ke-31 Dan Pencapaian Terkini UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

20 OKTOBER 2018 /11 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: UNIFILM

TNC (A&A) MENGHADAP RAJA PUAN MUDA KEDAH SEMBAH MAKLUM MAJLIS KONVOKESYEN KE-31 DAN PENCAPAIAN TERKINI UUM



UUM ONLINE: Alor Setar, 20 Oktober - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim telah menghadap Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah di Wisma Darul Aman, hari ini.

Majlis menghadap ini bertujuan menyebarkan maklum tentang Majlis Konvokesyen Ke-31 Universiti Utara Malaysia (UUM) yang akan berlangsung pada 11 hingga 15 November ini yang mana UUM akan memulakan istiadat konvokesyen dengan pemsyukuran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah sebagai Pro-Canselor UUM pada sesi pertama serta Majlis Konvokesyen Ke-31 bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah pada sesi kedua.

Selain itu, Prof. Dr. Yusnidah turut menyebarkan maklum pencapaian terkini UUM termasuk dua subjek utama universiti iaitu *Business and Economics* dan *Social Sciences* buat pertama kalinya disenaraikan dalam Times Higher Education World University Rankings by Subject 2019 dan dua program yang ditawarkan di Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) dianugerahkan akreditasi EFMD Programme Accreditation System (EPAS) daripada European Foundation for Management Development (EFMD) yang meletakkan program Perakaunan yang ditawarkan pusat pengajian berkenaan sebagai program pertama dan satu-satunya yang menerima akreditasi EPAS di Malaysia.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.